

Received	21 July 2025	Accepted	21 July 2025
Revised	21 August 2025	Published	15 December 2025
Volume	7, December 2025	Pages	1-16
http://doi.org/			
To cite: Muhammad Shukri Abdul Halim, et.al. 2025. Keberkesanan Kaedah Piramid Jumal dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Arab: Satu Kajian Tindakan. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 7 (December 2025): 1-16. DOI: http://doi.org/			

Keberkesanan Kaedah Piramid Jumal dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Arab: Satu Kajian Tindakan

The Effectiveness of the Pyramid of Sentences Method in Enhancing Arabic Sentence Construction Skills: An Action Research Study

Muhammad Shukri Abdul Halim¹, Siti Nursyahmina Azmina Sheikh Mohd Zaidi²
& Muhammad Firdaus Muda³

Abstrak

Kajian tindakan ini bertujuan menilai sejauh mana keberkesanan kaedah Piramid Jumal dapat membantu pelajar Tingkatan 1 meningkatkan kemahiran membina ayat dalam Bahasa Arab. Keupayaan membentuk ayat dengan struktur yang betul mencerminkan kefahaman pelajar terhadap sistem tatabahasa dan kemampuan mereka menyampaikan makna secara tepat. Berdasarkan hasil pemerhatian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta analisis dokumen, didapati pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami konsep qawalib, mengingat susunannya, dan mempelbagaikan bentuk ayat. Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran eksplanatori yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Seramai 25 orang pelajar Tingkatan 1 dari sebuah sekolah menengah agama di Perak telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian, analisis dokumen, serta temubual separuh

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. e-Mel: shukryzh@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

³ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

berstruktur. Intervensi dilaksanakan dalam bentuk pengajaran menggunakan Kaedah Piramid Jumal yang berasaskan pendekatan visual dan berstruktur. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan ujian t sampel berpasangan dengan bantuan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik menggunakan perisian ATLAS.ti versi 24. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan skor pasca yang signifikan ($p < 0.001$), serta maklum balas pelajar yang positif terhadap keberkesanan kaedah tersebut dalam membantu mereka membina ayat dengan lebih mudah dan yakin. Kajian ini membuktikan bahawa Piramid Jumal merupakan satu pendekatan inovatif yang berpotensi untuk dimanfaatkan dalam pengajaran Bahasa Arab, khususnya dalam topik pembinaan ayat. Implikasi kajian mencadangkan agar pendekatan seperti ini dikembangkan dan diterapkan dalam bilik darjah sebenar sebagai alternatif kepada kaedah tradisional.

Kata kunci: Piramid Jumal, pembinaan ayat, bahasa Arab, kajian tindakan, qawalib

Abstract

This action research aims to evaluate the effectiveness of the Pyramid Jumal Method in helping Form One students improve their Arabic sentence construction skills. The ability to construct grammatically correct sentences reflects students' understanding of grammatical systems and their capacity to convey meaning accurately. Classroom observations and document analyses revealed that students faced difficulties in understanding the concept of qawalib (sentence patterns), recalling their sequences, and diversifying sentence forms. This study employed an explanatory mixed-method design combining quantitative and qualitative approaches. A total of 25 Form One students from a religious secondary school in Perak were selected as participants. Research instruments included pre- and post-tests, observations, document analyses, and semi-structured interviews. The intervention was conducted through teaching sessions using the Pyramid Jumal Method, grounded in visual and structured learning principles. Quantitative data were analysed descriptively and inferentially using a paired-sample t-test with SPSS version 27, while qualitative data were analysed thematically using ATLAS.ti version 24. The findings revealed a significant increase in post-test scores ($p < 0.001$) and positive feedback from students regarding the method's effectiveness in helping them construct sentences more easily and confidently. The study concludes that the Pyramid Jumal Method is an innovative and practical approach for teaching Arabic, particularly in sentence construction. It is recommended that such approaches be implemented more widely in real classroom settings as effective alternatives to traditional methods.

Keywords: *Pyramid Jumal, sentence construction, Arabic, action research, qawalib*

Pengenalan

Kemahiran membina ayat merupakan komponen asas yang mencerminkan tahap kecekapan pelajar dalam menguasai sesuatu bahasa. Ia bukan sahaja menggambarkan keupayaan pelajar untuk menyusun maklumat dan menyampaikan mesej, tetapi turut menunjukkan sejauh mana mereka memahami sistem tatabahasa serta mampu mengaplikasikannya dalam konteks komunikasi yang bermakna. Dalam pengajaran Bahasa Arab di sekolah, kemahiran ini menjadi lebih mencabar berbanding bahasa lain disebabkan oleh kerumitan struktur linguistiknya, khususnya dari sudut morfologi (*sarf*) dan sintaksis (*nahw*). Justeru, pelajar perlu menguasai bukan sahaja kosa kata, tetapi juga keupayaan untuk menyusun kalimah mengikut pola tertentu yang dikenali sebagai *qawalib* dalam pembinaan ayat.

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Bahasa Arab, pelajar digalakkan menguasai empat komponen asas bahasa iaitu *kalimat*, *tarakib*, *jumal*, dan *jumal mutarobitah*. Antara keempat-empat komponen ini, aspek *jumal* dan *jumal mutarobitah* dianggap lebih mencabar kerana ia menuntut pelajar membina struktur ayat yang lengkap dan bermakna. Keupayaan membina ayat turut menjadi salah satu indikator penting dalam menilai tahap penguasaan komunikasi pelajar, sama ada secara lisan mahupun penulisan. Penguasaan yang baik terhadap pembinaan ayat juga merupakan asas kepada kemahiran menulis karangan dan memahami teks, justeru menjadikannya elemen penting dalam keseluruhan ekosistem pembelajaran Bahasa Arab.

Namun, pelbagai kajian lepas membuktikan bahawa ramai pelajar masih menghadapi kesukaran dalam membina ayat Bahasa Arab yang betul dan bermakna. Kebanyakan pelajar gagal membina ayat yang lengkap dan tersusun kerana kelemahan dalam memahami struktur asas serta kekeliruan terhadap kedudukan unsur-unsur kalimah dalam sesebuah ayat. Sebagai contoh, kajian Zakaria et al. (2020), menunjukkan bahawa pelajar sering bergelut lebih banyak dengan corak ayat lisan berbanding dengan yang nominal. Masalah ini berpunca daripada pengajaran yang masih berpusatkan guru, terlalu menekankan hafalan, dan kurang memberi ruang kepada pelajar meneroka struktur bahasa secara visual dan bermakna.

Seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21, pembelajaran Bahasa Arab tidak boleh lagi berpaksikan pendekatan tradisional yang statik. Kajian oleh Shah dan Basnyat (2024) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang berpusatkan guru menjadikan pelajar sebagai penerima pengetahuan pasif, yang pada akhirnya menghalang kreativiti mereka serta membawa kepada kekurangan pemahaman tentang konten yang dipelajari. Sebaliknya, pendekatan berasaskan pelajar (*learner-centered approach*) serta berasaskan pengalaman (*experiential learning*) perlu digalakkan agar pelajar dapat membina ayat melalui pemahaman konsep, bukannya sekadar menghafal pola. Dalam konteks ini, strategi pembelajaran yang melibatkan alat bantu visual, model berstruktur, dan aktiviti berperingkat dilihat mampu meningkatkan kecekapan pelajar dalam memahami hubungan antara unsur tatabahasa dan makna.

Menurut teori Hipotesis Input oleh Krashen (1985), pelajar hanya dapat memperoleh bahasa dengan berkesan apabila mereka menerima *input* yang boleh difahami (Zeng, 2025). Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab, struktur qawalib yang terlalu kompleks boleh menimbulkan beban kognitif yang tinggi kepada pelajar, sebagaimana dijelaskan oleh Sweller (1988) dalam *Cognitive Load Theory* (Syagif, 2024). Oleh itu, pengajaran yang disusun secara visual dan berperingkat dapat membantu mengurangkan beban kognitif tersebut. Kaedah seperti Piramid Jumal dirangka berdasarkan prinsip ini dimana ia menyediakan struktur pembelajaran yang jelas dan tersusun secara hierarki, membolehkan pelajar memahami logik pembentukan ayat dari unsur mudah ke kompleks.

Tambahan pula, kajian oleh Humaira et al. (2024) menegaskan bahawa metodologi pengajaran yang inovatif bukan sahaja meningkatkan profesionalisme guru, malah turut memperkuat penglibatan pelajar secara signifikan. Di samping itu, dapatan dari kajian Afandi et al. (2024) menunjukkan bahawa strategi pengajaran inovatif dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar serta menjadikan proses pembelajaran lebih aktif dan bermakna. Hal ini sejajar dengan prinsip *active learning* yang menekankan penyertaan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran melalui visualisasi dan latihan berasaskan struktur. Pendekatan seperti Kaedah Piramid Jumal yang bersifat visual, sistematik dan progresif dilihat mampu menarik minat pelajar serta mengurangkan kekeliruan dalam memahami struktur qawalib yang kompleks.

Menyedari kepentingan inovasi dalam pengajaran Bahasa Arab, pengkaji membangunkan satu pendekatan yang dinamakan Kaedah Piramid Jumal. Kaedah ini berasaskan pendekatan berstruktur secara visual, yang membimbing pelajar memahami susunan dan logik *qawalib* dalam bentuk piramid secara progresif. Ia turut dirangka agar mudah difahami dan diingati pelajar, sekaligus membolehkan mereka membina pelbagai bentuk ayat dengan yakin dan betul. Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan menilai keberkesanan Kaedah Piramid Jumal terhadap peningkatan kemahiran membina ayat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menilai keberkesanan Kaedah Piramid Jumal dalam meningkatkan kemahiran membina ayat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1. Secara khususnya, kajian ini memfokuskan kepada peningkatan keupayaan pelajar dalam mengingati struktur ayat berdasarkan *qawalib*, serta kebolehan mempelbagaikan bentuk ayat dalam penulisan Bahasa Arab.

Penyataan Masalah

Penguasaan kemahiran membina ayat dalam Bahasa Arab sering menjadi antara cabaran utama bagi pelajar sekolah menengah. Walaupun mereka telah diperkenalkan kepada struktur asas tatabahasa seperti *mubtada'-khabar* dan *fi'l-fa'il-maf'ul bih*, kebanyakan pelajar masih gagal membentuk ayat yang lengkap, tepat dan bermakna. Kegagalan ini bukan sahaja menjejaskan kemahiran menulis dan bertutur, malah turut melemahkan pemahaman mereka terhadap teks yang lebih kompleks serta mempengaruhi pemahaman mereka terhadap kandungan pelajaran secara keseluruhan. Hal ini berikutan struktur Bahasa Arab yang kompleks dan memerlukan penguasaan mendalam terhadap aspek sintaksis (*nahw*) dan morfologi (*sarf*) untuk menghasilkan ayat yang betul dari segi bentuk dan makna. Menurut Dai dan Niu

(2012), kelemahan dalam penguasaan struktur bahasa sering kali berpunca daripada strategi pengajaran yang terlalu menekankan hafalan dan terjemahan literal. Hal ini secara tidak langsung, menghalang daripada berlakunya perkembangan kefahaman konseptual tanpa memberikan ruang kepada pembinaan kefahaman konseptual melalui penukaran skema dalam perbendaharaan kata, struktur ayat, dan wacana untuk pembelajaran bahasa yang berkesan.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di sebuah sekolah menengah agama di negeri Perak, didapati pelajar Tingkatan 1 menghadapi pelbagai kesulitan dalam menghasilkan ayat lengkap dan gramatis. Semakan terhadap buku latihan dan hasil kerja pelajar turut menunjukkan kesalahan yang sering berulang dalam struktur ayat, penggunaan kalimah, dan susunan unsur *qawalib*. Selain itu, refleksi pengajaran harian guru mendapati objektif pembelajaran yang berkait dengan komponen *jumal* dan *jumal mutarobitah* sering kali tidak dapat dicapai dengan memuaskan, walaupun pengajaran telah dilaksanakan mengikut perancangan.

Antara punca utama yang dikenalpasti termasuklah ketidakfahaman pelajar terhadap konsep *qawalib*, iaitu pola atau rangka binaan ayat yang menjadi asas dalam struktur ayat Bahasa Arab, di mana ramai pelajar tidak dapat mengenal pasti peranan dan kedudukan unsur-unsur seperti *isim*, *fi'l*, dan *ḥarf* dalam sesebuah ayat. Selain itu, pelajar juga didapati lemah dalam mengingat susunan *qawalib* yang betul walaupun telah diajar, menyebabkan mereka sering keliru dan melakukan kesilapan semasa membentuk ayat. Ada juga di antara mereka membina ayat dengan penyusunan kata kerja tanpa subjek yang sesuai, kekeliruan dalam mengenal pasti unsur ayat nominal dan verbal, serta penggunaan partikel (*huruf jar*) yang tidak tepat. Contohnya, pelajar sering menulis “الولد يذهب بيت” tanpa penggunaan partikel “إلى” yang sepatutnya, menandakan kekurangan pemahaman terhadap hubungan antara makna dan struktur tatabahasa.

Di samping itu, semakan terhadap hasil kerja pelajar mendapati mereka sering mengulangi corak ayat yang sama tanpa mempelbagaikan struktur atau kosa kata. Fenomena ini menunjukkan wujudnya kebergantungan tinggi terhadap hafalan ayat contoh yang diberikan guru, bukannya pemahaman sebenar terhadap prinsip pembentukan ayat. Kajian oleh Nainggolan dan Simanjuntak (2025) juga mendapati bahawa sebahagian besar pelajar mengalami kesukaran dalam memahami peranan unsur sintaksis dalam ayat, menyebabkan mereka menghasilkan struktur yang salah dari segi bentuk dan makna. Tambahan pula, pengajaran tatabahasa yang terlalu bersifat abstrak tanpa bantuan visual didapati meningkatkan beban kognitif pelajar, seterusnya menurunkan motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa.

Masalah ini turut disahkan oleh dapatan ujian pra yang dilaksanakan oleh pengkaji, di mana majoriti pelajar memperoleh markah rendah dalam komponen pembinaan ayat. Hal ini mencerminkan jurang yang ketara antara penguasaan teori tatabahasa dan keupayaan mengaplikasikannya secara praktikal dalam bentuk ayat. Refleksi guru pula menunjukkan bahawa walaupun objektif pengajaran bagi topik *jumal* dan *jumal mutarobitah* telah dilaksanakan mengikut rancangan, hasil pembelajaran masih belum mencapai tahap memuaskan. Ini menunjukkan bahawa pendekatan tradisional yang berasaskan penerangan dan latihan bertulis semata-mata

tidak lagi memadai untuk mengembangkan kemahiran pembinaan ayat yang kompleks.

Sehubungan itu, timbul keperluan untuk memperkenalkan satu pendekatan pengajaran yang lebih mesra pelajar, berasaskan visual, serta disusun secara berperingkat agar pelajar dapat memahami konsep qawalib dengan lebih sistematik. Pendekatan berstruktur seperti Kaedah Piramid Jumal dirangka bagi memenuhi keperluan ini. Ia menekankan pembelajaran berasaskan visual hierarki, penggunaan akronim mudah ingat serta latihan bertahap yang membantu pelajar memahami hubungan antara unsur sintaksis dalam bentuk yang konkrit dan mudah diingati. Dengan itu, pendekatan ini diharap dapat menjadi alternatif yang efektif kepada kaedah konvensional dalam meningkatkan kemahiran membina ayat Bahasa Arab secara lebih menyeluruh dan berkesan.

Metodologi Kajian

Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan berasaskan pendekatan kajian tindakan dengan menggunakan reka bentuk campuran eksplanatori (explanatory sequential mixed-methods design) yang menggabungkan unsur kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pengkaji memperoleh gambaran menyeluruh tentang keberkesanan kaedah yang diperkenalkan. Data kuantitatif diperoleh melalui ujian pra dan ujian pasca, manakala data kualitatif dikutip melalui pemerhatian, analisis dokumen serta temubual separuh berstruktur. Reka bentuk eksplanatori ini membolehkan data kualitatif digunakan bagi menjelaskan secara mendalam dapatan kuantitatif, khususnya dalam menilai keberkesanan Kaedah Piramid Jumal dari perspektif pelajar.

Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan 25 orang pelajar Tingkatan 1 dari sebuah sekolah menengah agama di negeri Perak sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan (purposive sampling) berdasarkan hasil saringan ujian pra. Hanya pelajar yang mencatat markah rendah serta menunjukkan kesukaran dalam membina dan mempelbagaikan struktur ayat dipilih untuk mengikuti intervensi. Pemilihan ini bertujuan memastikan intervensi dilaksanakan ke atas pelajar yang benar-benar memerlukan sokongan tambahan dalam kemahiran penulisan.

Instrumen Kajian

Empat instrumen telah digunakan bagi mengumpul data yang menyeluruh merangkumi kesemua objektif kajian:

1. **Pemerhatian:** Dilaksanakan semasa sesi PdP bagi mengenal pasti corak tingkah laku pelajar, respons terhadap kaedah serta penglibatan semasa aktiviti.
2. **Analisis Dokumen:** Melibatkan semakan hasil kerja pelajar dan buku latihan pelajar untuk mengenal pasti bentuk kesalahan, tahap kemahiran membina ayat serta perubahan yang berlaku sebelum dan selepas intervensi.

3. Ujian Pra dan Ujian Pasca: Digunakan bagi mengenal pasti tahap pencapaian pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi Kaedah Piramid Jumal. Data daripada kedua-dua ujian ini dianalisis menggunakan ujian *t* sampel berpasangan (*paired sample t-test*) bagi menentukan perbezaan yang signifikan.
4. Temubual Separuh Berstruktur: Dijalankan selepas pelaksanaan intervensi bagi memperoleh pandangan dan maklum balas pelajar mengenai keberkesanan kaedah tersebut.

Pelaksanaan Kajian


Kajian tindakan ini bersifat inkuiri reflektif yang memberi fokus kepada penyelesaian masalah sebenar dalam bilik darjah melalui tindakan yang sistematik dan berulang. Ia dijalankan berasaskan model Kemmis dan McTaggart (1988) yang menekankan kitaran perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi yang berulang bagi mencapai penambahbaikan berterusan terhadap amalan pengajaran. Menurut Wang (2021), kajian tindakan memberi ruang kepada guru untuk meneliti, menambah baik dan menilai keberkesanan intervensi dalam konteks pengajaran sebenar. Tambahan pula, seperti yang dinyatakan oleh Jakavonytė-Staškuvienė et al. (2023), kajian tindakan membolehkan guru mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam proses PdP, sekali gus memudahkan pencarian penyelesaian yang berkesan dan bersesuaian. Sejajar dengan pendekatan tersebut, pelaksanaan kajian ini dibahagikan kepada empat fasa utama:

Fasa 1: Tinjauan Masalah

Pengkaji menjalankan pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran serta menganalisis dokumen seperti buku latihan dan refleksi pengajaran. Tinjauan ini mendapati pelajar Tingkatan 1 menghadapi masalah yang ketara dalam komponen *jumal* dan *jumal mutarobitah*, terutamanya dari aspek memahami konsep *qawalib* dan mengingat susunannya dalam membentuk ayat. Bagi mengukuhkan dapatan, pengkaji turut melaksanakan ujian pra ke atas 31 orang pelajar dan hasilnya menunjukkan bahawa 25 orang pelajar layak dijadikan kumpulan sasaran kerana memperoleh markah rendah serta menghadapi kesukaran membina dan mempelbagaikan bentuk ayat.

Fasa 2: Merancang dan Mencipta Intervensi

Berdasarkan hasil tinjauan masalah, pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian tindakan terdahulu serta inovasi pendidikan sedia ada untuk merancang satu intervensi yang bersesuaian. Pengkaji membangunkan Kaedah Piramid Jumal, iaitu satu pendekatan pengajaran berbentuk visual dan berfasa yang berpaksikan pembinaan struktur ayat menggunakan *qawalib* secara sistematik. Rajah 1 menunjukkan rekabentuk inovasi tersebut.



Rajah 1: Kaedah Piramid Jumal

Fasa 3: Pelaksanaan Intervensi


Kaedah Piramid Jumal diperkenalkan kepada kumpulan sasaran dalam satu sesi pengajaran selama 1 jam. Pelajar diberi pendedahan secara langsung dan latihan berpandu menggunakan struktur yang telah ditetapkan. Selepas sesi pengajaran, ujian pasca dijalankan bagi menilai perubahan pencapaian pelajar.

Fasa 4: Refleksi Keberkesanan

Pengkaji menilai keberkesanan kaedah melalui perbandingan keputusan ujian pra dan pasca, semakan hasil kerja pelajar, serta analisis maklum balas daripada temubual. Dapatan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kebolehan pelajar membina ayat serta pemahaman terhadap struktur *qawalib*, menandakan objektif kajian telah berjaya dicapai.

Model Kajian

Kajian ini berpaksikan Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) yang menekankan tiga komponen utama iaitu merancang, bertindak dan memerhati, serta refleksi sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Kitaran ini dilaksanakan secara berulang sehingga intervensi mencapai keberkesanan yang diinginkan. Kember dan Gow (1992) turut menegaskan bahawa pendekatan kitaran reflektif sebegini amat sesuai digunakan dalam konteks pembangunan profesional guru kerana ia mendorong peningkatan berterusan dalam amalan PdP.



Rajah 2: Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988)

Analisis Data

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran eksplanatori yang melibatkan analisis data kuantitatif dan kualitatif secara berturutan. Kaedah analisis data dijalankan mengikut jenis data dan tujuan pengumpulan instrumen kajian.

Analisis Data Kuantitatif

Data daripada ujian pra dan ujian pasca dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Analisis dijalankan menerusi ujian t sampel berpasangan bagi mengenal pasti perbezaan min yang signifikan antara kedua-dua ujian. Nilai min, sisihan piawai, nilai t , darjah kebebasan (df), dan tahap signifikan (p) diperoleh secara automatik daripada output SPSS untuk tujuan pelaporan statistik inferensi.

Analisis Data Kualitatif

Data kualitatif dikumpulkan melalui temubual separuh berstruktur, analisis dokumen (melalui semakan buku latihan dan skrip jawapan ujian), serta pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Tujuan utama pengumpulan data ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang mendalam tentang pengalaman, kefahaman, serta persepsi pelajar terhadap keberkesanan Kaedah Piramid Jumal yang diperkenalkan dalam meningkatkan kemahiran membina ayat Bahasa Arab.

Temubual separuh berstruktur dijalankan secara individu bagi membolehkan pelajar berkongsi pandangan dan refleksi peribadi mereka tentang kaedah tersebut. Soalan temubual dirangka berdasarkan objektif kajian dan tertumpu kepada aspek kefahaman pelajar terhadap struktur ayat, kemudahan mengingat susunan qawlib,

serta perubahan sikap dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab selepas intervensi. Pemerhatian semasa PdP pula digunakan untuk merekod tingkah laku pelajar, tahap penglibatan mereka semasa aktiviti kumpulan, dan cara mereka berinteraksi dengan bahan bantu visual berbentuk piramid. Sementara itu, semakan dokumen terhadap hasil kerja pelajar dan lembaran aktiviti dilakukan untuk menilai perubahan keupayaan mereka membina ayat dari segi ketepatan struktur dan variasi penggunaan unsur tatabahasa.

Proses analisis data kualitatif dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik, dengan bantuan perisian ATLAS.ti versi 24 bagi memastikan ketepatan pengkodan dan kebolehpercayaan dapatan. Analisis dimulakan dengan pembacaan menyeluruh terhadap transkrip temubual dan nota pemerhatian bagi mengenal pasti makna eksplisit (apa yang disebut secara langsung) dan implisit (makna tersirat) dalam jawapan pelajar. Kod awal dibentuk berdasarkan kategori seperti pemahaman struktur ayat, penggunaan akronim, motivasi pelajar, dan pengalaman pembelajaran. Kod-kod ini kemudiannya dikelompokkan kepada tema utama yang mencerminkan pola respons pelajar terhadap kaedah pengajaran tersebut.

Setiap tema ditafsirkan berdasarkan kekerapan kemunculan dalam data, kekuatan hujah responden, dan sokongan daripada hasil pemerhatian serta dokumen. Triangulasi antara dapatan temubual, pemerhatian, dan hasil kerja pelajar dilaksanakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan analisis. Hasil analisis ini kemudiannya dibandingkan dengan dapatan kuantitatif untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai keberkesanan Kaedah Piramid Jumal terhadap peningkatan kemahiran membina ayat pelajar.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan kesan pelaksanaan Kaedah Piramid Jumal terhadap pencapaian pelajar, berdasarkan analisis perbandingan skor ujian pra dan pasca, serta maklum balas pelajar mengenai keberkesanan kaedah yang digunakan. Secara deskriptif, skor min ujian pra adalah 46.40% dengan sisihan piawai 20.47, manakala skor min ujian pasca meningkat kepada 74.88% dengan sisihan piawai 17.73. Ini menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 28.48% selepas pelaksanaan intervensi. Jadual 1 memperincikan keputusan deskriptif tersebut.

Jadual 1: Statistik deskriptif bagi skor ujian pra dan pasca

Ujian	Skor Min (%)	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Ujian Pra	46.40	20.47	14	71
Ujian Pasca	74.88	17.33	36	100

Untuk menentukan sama ada perbezaan skor ini signifikan secara statistik, analisis inferensi menggunakan ujian t sampel berpasangan telah dijalankan. Hasil analisis menunjukkan bahawa perbezaan antara skor pra dan pasca adalah signifikan dengan nilai $t(24) = -5.752$ dan $p < 0.001$, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ujian t sampel berpasangan bagi skor ujian pra dan pasca

Perbandingan	Beza Min (%)	Sisihan Piawai	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>
Ujian Pra – Ujian Pasca	-28.48	24.76	-5.752	24	< .001

Perbezaan signifikan ini menunjukkan bahawa peningkatan skor pelajar bukanlah secara kebetulan, tetapi hasil langsung daripada pelaksanaan Kaedah Piramid Jumal. Keberkesanan Kaedah Piramid Jumal dalam meningkatkan kemahiran membina ayat dapat dilihat menerusi reka bentuknya yang berstruktur dan berperingkat. Penggunaan akronim seperti ISYI, ISI, IFO dan sebagainya membantu pelajar memahami dan mengingati susunan *qawalib* secara lebih sistematik dan progresif. Ciri-ciri ini memudahkan pelajar menguasai struktur ayat serta meningkatkan keyakinan mereka untuk membina ayat dengan betul. Penemuan ini sejajar dengan hasil kajian Ahmed (2024) yang menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran berstruktur dapat memperkukuh pemerolehan bahasa kedua (Second Language Acquisition, SLA).

Selain analisis kuantitatif, maklum balas kualitatif yang diperoleh daripada pelajar turut mengukuhkan keberkesanan Kaedah Piramid Jumal. Dapatan kualitatif ini dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola pemikiran, pengalaman dan persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah tersebut dalam pembelajaran Bahasa Arab. Hasil analisis menunjukkan tiga tema utama iaitu kefahaman struktur meningkat melalui visualisasi, peningkatan motivasi dan keyakinan diri, dan pembelajaran yang menyeronokkan serta berkesan.

Kebanyakan pelajar menyatakan bahawa pendekatan visual berbentuk piramid membantu mereka memahami susunan dan hubungan antara unsur-unsur ayat dengan lebih jelas. Reka bentuk Kaedah Piramid Jumal yang berperingkat daripada asas kepada kompleks membolehkan pelajar memproses maklumat secara sistematik, sekali gus mengurangkan kekeliruan terhadap struktur *qawalib*. Seorang pelajar menyebut:

“Saya dapati bahawa kaedah ini jauh lebih mudah, kerana terdapat singkatan yang sedia ada, yang menjadikannya mudah untuk saya mengingat.”
(Responden 5 dan 13)

Pelajar lain turut menambah:

“Apabila cikgu tunjuk bentuk piramid, saya terus faham kedudukan perkataan. Saya tahu di mana nak letak fi‘l, fa‘il dan maf‘ul bih. Tak perlu hafal lagi, sebab saya boleh nampak susunannya.” (Responden 11)

Maklum balas ini menunjukkan bahawa visualisasi melalui bentuk piramid berupaya mengubah cara pelajar memahami struktur ayat daripada proses hafalan kepada pemahaman konseptual. Ini selari dengan teori pembelajaran visual oleh Mayer (2002) yang menegaskan bahawa persembahan maklumat dalam bentuk grafik dapat meningkatkan pengekalan memori jangka panjang. Selain itu, teori Cognitive Load (Sweller, 1988) turut menyokong dapatan ini dengan menjelaskan bahawa pengurangan beban kognitif melalui penyampaian visual membolehkan pelajar

menumpukan perhatian terhadap pemahaman konsep utama tanpa terganggu oleh kompleksiti maklumat linguistik.

Analisis transkrip temubual juga menunjukkan bahawa Kaedah Piramid Jumal berjaya meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Pelajar melaporkan mereka lebih bersemangat untuk membina ayat kerana kaedah ini menjadikan proses tersebut lebih mudah dan menyeronokkan. Beberapa responden menyatakan:

“Saya rasa senang sahaja untuk saya bina ayat dalam Bahasa Arab. Sudah tidak susah lagi sebab kaedah ini sangat menarik dan mudah untuk saya bina ayat.”
(Responden 8, 13 dan 17)

Terdapat juga beberapa responden menyatakan sedemikian:

“Sebelum ni saya takut nak bina ayat sebab selalu salah. Tapi bila guna kaedah ni, saya rasa lebih yakin sebab saya tahu langkah-langkahnya.” (Responden 2 dan 9)

Peningkatan keyakinan ini secara langsung memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar. Dapatan ini sejajar dengan kajian Elmotri et al. (2025) yang mendapati bahawa strategi pembelajaran berstruktur mampu meningkatkan motivasi intrinsik pelajar serta membantu mereka menguasai kemahiran bahasa dengan lebih efektif. Dalam konteks ini, struktur Kaedah Piramid Jumal memberi pelajar rasa kawalan terhadap pembelajaran mereka.

Selain peningkatan prestasi dan motivasi, pelajar juga menekankan bahawa sesi pembelajaran menggunakan Kaedah Piramid Jumal lebih menyeronokkan berbanding kaedah tradisional. Unsur interaktif dan visual menjadikan proses pembinaan ayat lebih seperti aktiviti permainan (*learning through play*), sekali gus mengurangkan tekanan yang biasanya dikaitkan dengan tatabahasa Bahasa Arab.

“Saya rasa pembelajaran jumal jadi lebih seronok sebab ada bentuk piramid dan warna-warna. Saya tak cepat bosan macam sebelum-sebelum ni.”
(Responden 7 dan 16)

Pandangan yang hampir serupa turut dikongsi oleh responden lain:

“Bila guna piramid, saya dan kawan-kawan boleh bincang sama-sama. Kami macam berlumba nak siap ayat paling cepat dan betul.” (Responden 18)

Dapatan ini menggambarkan bahawa pendekatan visual bukan sekadar membantu dari aspek kognitif, tetapi turut menyentuh dimensi afektif dan sosial dalam pembelajaran. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Afandi et al. (2024) yang menunjukkan bahawa strategi pengajaran inovatif dan kolaboratif dapat meningkatkan keterlibatan pelajar serta menjadikan pembelajaran lebih aktif dan bermakna.

Secara keseluruhannya, analisis kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa Kaedah Piramid Jumal memberi impak yang positif dan signifikan terhadap peningkatan kemahiran membina ayat dalam kalangan pelajar. Data kuantitatif melalui perbandingan skor ujian pra dan pasca menunjukkan peningkatan prestasi

yang ketara, menandakan bahawa keberkesanan kaedah ini bukanlah secara kebetulan tetapi hasil daripada pelaksanaan intervensi yang terancang.

Sementara itu, analisis kualitatif melalui temubual, pemerhatian dan analisis dokumen memperincikan bagaimana peningkatan tersebut berlaku daripada perspektif pelajar. Pelajar bukan sahaja menunjukkan kemajuan dalam kefahaman struktur qawalib, tetapi turut mengalami perubahan positif dari segi motivasi, minat dan keyakinan diri terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Elemen visual dan berstruktur yang menjadi tunjang utama kaedah ini menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan mudah diikuti.

Secara sintesis, gabungan kedua-dua dapatan ini membuktikan bahawa Kaedah Piramid Jumal berupaya meningkatkan pencapaian akademik pelajar serta membentuk pengalaman pembelajaran yang lebih aktif dan reflektif. Oleh itu, kaedah ini berpotensi besar untuk dijadikan strategi pedagogi alternatif dalam pengajaran kemahiran menulis dan membina ayat Bahasa Arab di sekolah menengah.

Kesimpulan dan Cadangan

Rumusan Dapatan Kajian

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Kaedah Piramid Jumal memberikan kesan positif dan signifikan terhadap peningkatan kemahiran membina ayat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1. Pendekatan yang dirangka secara visual, berstruktur, dan berfasa ini membantu pelajar memahami konsep *qawalib* dengan lebih jelas serta mengurangkan kekeliruan yang lazimnya timbul ketika membentuk ayat Bahasa Arab. Melalui kaedah ini, pelajar menunjukkan keupayaan yang lebih baik dalam menyusun struktur ayat, membina ayat yang gramatis, dan menghasilkan variasi bentuk ayat yang pelbagai serta bermakna.

Dapatan kuantitatif menunjukkan peningkatan skor yang signifikan selepas pelaksanaan intervensi, manakala dapatan kualitatif melalui temubual dan pemerhatian pula memperincikan perubahan positif dari sudut motivasi, minat dan keyakinan diri pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Pelajar menyatakan bahawa penggunaan Kaedah Piramid Jumal menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan mudah difahami kerana mereka mula menyedari logik susunan ayat melalui visual piramid dan akronim. Elemen visual dan berstruktur yang menjadi tunjang kaedah ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar, malah berjaya mengubah persepsi mereka terhadap pembelajaran tatabahasa yang sebelum ini dianggap sukar dan membosankan.

Secara keseluruhannya, gabungan dapatan kuantitatif dan kualitatif membuktikan bahawa Kaedah Piramid Jumal mampu meningkatkan pencapaian akademik serta aspek afektif pelajar secara serentak. Ini mengukuhkan hakikat bahawa pendekatan pedagogi yang menggabungkan elemen visual dan pengalaman pembelajaran aktif dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan.

Implikasi Kajian

Kajian ini membawa implikasi yang penting terhadap tiga pihak utama iaitu guru, pelajar, dan penggubal kurikulum.

Pertama, daripada sudut guru Bahasa Arab, hasil kajian ini menegaskan kepentingan penggunaan strategi pengajaran inovatif dan reflektif yang berpaksikan pelajar. Guru perlu dilatih untuk menjadi fasilitator yang menggalakkan pelajar membina ayat berdasarkan kefahaman logik struktur, bukan sekadar menghafal pola. Kaedah Piramid Jumal boleh dijadikan model *scaffolding pedagogy*, di mana guru memperkenalkan elemen ayat secara bertahap daripada asas hingga kompleks dengan sokongan bahan visual. Ini membantu pelajar memahami tatabahasa yang kompleks secara lebih konkrit dan progresif.

Kedua, dari perspektif pelajar, pendekatan ini meningkatkan keupayaan pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*). Pelajar dapat menggunakan kaedah ini sebagai panduan membina ayat tanpa perlu bergantung sepenuhnya pada contoh guru. Kaedah ini mendorong mereka menjadi pelajar yang lebih berdikari, yakin dan kreatif dalam menulis ayat. Selain itu, penglibatan aktif dalam aktiviti visual dan latihan berperingkat turut membantu mengurangkan kebimbangan bahasa (*language anxiety*) yang sering menjadi penghalang kepada penguasaan kemahiran menulis dalam Bahasa Arab.

Ketiga, dari sudut reka bentuk kurikulum dan pembangunan bahan PdP, hasil kajian ini memberi isyarat kepada pihak penggubal dasar agar memberi ruang kepada pendekatan berasaskan visual dalam pembangunan modul Bahasa Arab. Elemen seperti piramid struktur ayat boleh diserap dalam modul digital, aplikasi pembelajaran atau platform seperti *Google Classroom* bagi menyokong pembelajaran sendiri dan interaktif. Pendekatan sebegini selari dengan agenda transformasi pendidikan digital yang menekankan kemahiran abad ke-21 dan pembelajaran aktif.

Cadangan dan Penutup

Berdasarkan dapatan dan implikasi yang diperoleh, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan bagi memperkukuh dan memperluas keberkesanan Kaedah Piramid Jumal. Antaranya, adalah disarankan agar inovasi ini diuji dalam konteks sekolah berbeza seperti sekolah kebangsaan, tahfiz dan sekolah berasrama penuh untuk menilai kesesuaian pendekatan ini dalam pelbagai latar pelajar. Selain itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan tempoh intervensi yang lebih panjang bagi menilai kesan jangka panjang terhadap penguasaan kemahiran menulis dan memahami struktur ayat. Akhir sekali, integrasi teknologi perlu diteroka dengan lebih mendalam, contohnya membangunkan versi digital interaktif Kaedah Piramid Jumal berasaskan permainan (*game-based learning*) atau kecerdasan buatan (AI) bagi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Di samping itu, penyelidikan lanjutan juga wajar dilakukan bagi meneliti kesan kaedah ini terhadap dimensi afektif dan metakognitif pelajar seperti motivasi, keyakinan diri, serta strategi pembelajaran mereka semasa membina ayat. Penemuan sebegini dapat memperkukuh kefahaman tentang bagaimana pendekatan visual membantu proses pemikiran bahasa pelajar.

Secara tuntas, kajian ini membuktikan bahawa Kaedah Piramid Jumal bukan sahaja berkesan dari sudut kognitif, tetapi turut membina aspek afektif pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa inovasi pedagogi yang sederhana, apabila dirancang secara berasaskan teori dan refleksi guru, mampu menghasilkan perubahan besar dalam keberkesanan PdP. Justeru, guru-guru Bahasa Arab disarankan agar terus meneroka dan menyesuaikan kaedah ini dalam konteks pengajaran mereka sebagai alternatif kepada pendekatan tradisional.

Sebagaimana dibuktikan dalam kajian ini, perubahan kecil dalam strategi pengajaran yang disokong oleh data empirikal dan refleksi profesional mampu memberikan impak besar terhadap kualiti pembelajaran Bahasa Arab, seterusnya memperkuat usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir berbahasa tetapi juga mencintai bahasa al-Quran itu sendiri.

Rujukan

1. Afandi, A., Fadhlán, M., Fikri, A. & Aziz, M. H. 2024. Increased understanding of *nahwu* through innovation in the application of direct methods: Experimental studies on Arabic language students. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab* 8(1): 465–486. <https://doi.org/10.29240/jba.v8i1.9434>
2. Ahmed, M. 2024. Teaching techniques in English as a second or foreign language: A comparative analysis. *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 8(10): 1173–1179. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.8100098>
3. Dai, Y. & Niu, X. 2011. The key of conceptual fluency: The conversion of schema. 6: 75–78. <https://doi.org/10.3969/j.issn.1673-1646.2011.06.015>
4. Elmotri, B., Osman, O., Garrouri, S. S., Elyasa, Y. M., Amri, F., Rabeh, M. D., Telha, M., Al-Humari, M. A., Altwaiji, M. & Embadi, S. 2025. Unlocking language proficiency: A comprehensive comparison of Duolingo and Oxford English Coach effectiveness in language learning. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 16(1): 23–33. <https://doi.org/10.36941/mjss-2025-0003>
5. Humaira, M. A., Effane, A. & Hasanuddin, N. 2024. Inovasi metodologi pengajaran di sekolah dasar: Strategi efektif untuk meningkatkan kualitas pendidikan guru. *Jurnal Ilmiah Edukatif* 10(2): 260–269. <https://doi.org/10.37567/jie.v10i2.3354>
6. Jakavonytė-Staškuvienė, D., Jašinauskas, L. & Kudinovienė, J. 2023. An analysis of prospective primary school teachers' action research: The case of Lithuania. *Educational Action Research* 33(3): 543–558. <https://doi.org/10.1080/09650792.2023.2298744>
7. Kember, D. & Gow, L. 1992. Action research as a form of staff development in higher education. *Higher Education* 23(3): 297–310. <https://doi.org/10.1007/BF00145018>
8. Mayer, R. E. 2002. Multimedia learning. *Psychology of Learning and Motivation* 41: 27–29. Academic Press.
9. Nainggolan, K. N. F. & Simanjuntak, H. 2025. Pentingnya sintaksis dalam pembentukan kalimat yang efektif. *Jurnal Pendidikan Dasar PerKhasa* 11(1): 118–125. <https://doi.org/10.31932/jpdp.v11i1.4176>

10. Shah, R. K. & Basnyat, S. 2024. Dear teachers, do you know? The era of teaching is over, only learning prevails. *Edelweiss Applied Science and Technology* 8(4): 527–541. <https://doi.org/10.55214/25768484.v8i4.1129>
11. Sweller, J. 1988. Cognitive load during problem solving: Effects on learning. *Cognitive Science* 12(2): 257–285.
12. Syagif, A. 2024. Teori Beban Kognitif John Sweller dan implikasinya dalam pembelajaran bahasa Arab pada jenjang pendidikan dasar. *Fashluna* 5(2): 93–105. <https://doi.org/10.47625/fashluna.v5i2.883>
13. Wang, M. 2021. Changing teacher's teaching behavior to improve classroom teaching effectiveness through ODI (Organization Development Interventions): An action research at College of International Business (CIB), Zhejiang Yuexiu University of Foreign Languages (ZYUFL), China. *ABAC ODI Journal Vision. Action. Outcome* 8(1): 1–24. <https://doi.org/10.14456/abacodijournal.2021.1>
14. Zakaria, N. binti, Mustafa, N. F. & Othman, M. S. 2020. Al-Qur'an verse imitation approach in the construction of Arabic sentence pattern. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 9(4): 234–249. <https://hrmars.com/papers/detail/IJARPED/8460/Al-Quran-Verse-Imitation-Approach-in-The-Construction-of-Arabic-Sentence-Pattern>